


# BUZZHEPA @UMK

JANUARI - MAC 2024

BIL. 1/2024
e-Buletin



# KANDUNGAN

#1
**Aktiviti**

#2
**Pencapaian**









# SESI PENYERAHAN BAKUL RAHMAH

3 JANUARI 2024
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Sesi penyerahan bakul rahmah untuk mangsa banjir oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di Universiti Malaysia Terengganu. Program ini adalah kerjasama bersama Majlis Sukarelawanan Universiti-universiti Malaysia (MASKUM) .





# PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (PMPP)

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) Sesi 2023/2024 telah berlangsung pada 11 Januari 2024 secara atas talian (CAPSULE). Seramai 7,122 (60.4%) orang pelajar telah mengundi bagi memilih 9 Kerusi Umum dan 20 Kerusi Fakulti.

# MAJLIS SANJUNGAN BUDI




15 JANUARI 2024

Majlis Sanjungan Budi untuk staf HEPA yang telah bertukar ke pusat tanggungjawab PTj baharu mulai 9 Januari 2024 yang lalu. Seramai 2 orang pengarah bertukar ke PTj baharu, seorang tamat tempoh jawatan giliran dan 6 orang staf pentadbiran bertukar PTj baharu.



# MAJLIS TADDABUR AL-QURAN

## TADABBUR HOUR ZON TIMUR

21 JANUARI 2024

MMajlis Tadabbur Al-Quran Zon Timur yang diadakan bermula 20 hingga 21 Jan 2024 di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok. Program ini merupakan kerjasama Yayasan Ummi Malaysia dengan Akademik Sinergi Ikhlas yang bertujuan memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk memahami ayat Al-Quran.

Turut diadakan hari ini adalah penubuhan Sahabat Al-Quran bagi memastikan golongan muda mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan tentang Al-Quran. Pelbagai program yang tersusun telah dirancang untuk memastikan kesedaran dan pengetahuan tentang Al-Quran tersebar lebih meluas.



# MAJLIS APRISIASI PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN







Majlis Aprisiasi Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan di Dewan Keusahawanan Kampus Kota yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Hassan Basri bin Awang Mat Dahan, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti. Dalam majlis ini juga turut diadakan adalah watikah lantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2023/2024 yang baharu.



# MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT KOMANDER (KEHORMAT) PSSTLDM



29 JANUARI 2024

Majlis pemakaian pangkat Komander (Kehormat) PSSTLDM Prof. Dr. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) oleh Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia di MINDEF.




# Majlis Sumbangan Bantuan Awal Pengajian
# YAYASAN BANK RAKYAT

6 FEBRUARI 2024

Majlis Sumbangan Bantuan Awal Pengajian dari Yayasan Bank Rakyat di UMK Bachok. YBhg. Dato' Naib Canselor mewakili UMK menerima sumbangan ini daripda YBrs. En. Saiful Rizal bin Abdul Ghani, Pengurus Besar Bank Rakyat . Sumbangan sebanyak RM1,000.00 diberikan kepada 100 orang pelajar yang kurang kemampuan.





# MAJLIS SUMBANGAN YAYASAN PELAJARAN MARA TAJAAN EKUITI NASIONAL BERHAD (EKUINAS)






6 FEBRUARI 2024

Yayasan Pelajaran MARA iaitu sebanyak RM48,000.00 untuk Pembiayaan Pendidikan Tertiari dan RM25,000.00 untuk Skim Dana Pendidikan Ehsan dari Yayasan Pelajaran MARA.  Bantuan ini telah disampaikan oleh YBrs. En Mohd Amran bin Mohd Ariffin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif. Ini juga merupakan salah satu usaha berterusan HEPA bagi memastikan kebajikan pelajar terjaga.











# MAJLIS PENGIKTIRAFAN LAMAN WOODBALL UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

8 FEBRUARI 2024

Majlis Pengiktirafan Laman Woodball UMK di Bangunan Canselori UMK Bachok. Laman Woodball ini merupakan gelanggang pertama yang dibina di negeri Kelantan. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor dan UMK telah menerima pengiktirafan dalam Persatuan Woodball Malaysia. Dengan adanya gelanggang ini, UMK akan mengadakan pelbagai kejohanan serta turut membida untuk sukan Woodball dijadikan acara dalam temasya SUKMA nanti.








# MAJLIS PENYERAHAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) BERSAMA KOMUNITI POS BLAU, GUA MUSANG

**15 FEBRUARI 2024**

UMK telah menjadikan Pos Blau sebagai Kampung Angkat UMK secara rasmi. Ini adalah selari dengan semangat Semarak Siswa Madani di mana universiti melalui mahasiswa sentiasa bersama komuniti. Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor sebentar tadi. Turut hadir adalah Adun Dun Galas, YB Haji Mohd Syahbuddin bin Hashim. Sempena majlis ini, pihak HEPA telah mengadakan program bermula 14 Februari 2024. Antara program yang diadakan adalah program kerohanian, Blau Comey Lotey, Suara Emas Pos Blau, Gomo Rakyat Blau dan Blau-Preneur.

# PROGRAM PEMBANGUNAN KENDIRI & KHIDMAT SOSIAL HEPA

**27 - 29 FEBRUARI 2024**

Problem while displaying link...
Click here to visit the page.




Program Pembangunan Kendiri dan Khidmat Sosial HEPA bersama Keluarga HEPA dan Majlis Perwakilan Pelajar di Pulau Pangkor. Program ini telah disertai oleh hampir 120 orang staf dan MPP. Program Pembangunan Kendiri ini merupakan kali pertama diadakan selepas beberapa tahun atas faktor Covid. Maka ia sangat penting bagi Keluarga HEPA dalam usaha memastikan semangat kekitaan di kalangan staf. Saya juga menekankan bahawa kita perlu berubah dari "saya" kepada "kita" kerana hanya dengan kerjasama antara semua staf HEPA mampu menganjurkan pelbagai program yang berimpak tinggi. Bagi MPP juga, pentingnya hubungan kerjasama yang erat serta semangat kekitaan di kalangan MPP. Diharapkan dengan adanya program ini, MPP dan staf HEPA dapat bersama-sama bekerja bagi memastikan Universiti lebih cemerlang di masa hadapan. Turut diadakan adalah program komuniti di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Pangkor dan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan. Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Pangkor, sumbangan buku telah diadakan dan di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan, MPP telah mengadakan program Mengapai Impian bersama MPP. Perkongsian menempuh alam universiti dan sesi motivasi diadakan di sana.







# BENGKEL PEMANTAPAN PEMIMPIN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

21 MAC 2024

Bengkel Pemantapan Pemimpim Mahasiswa UMK yang telah disampaikan oleh YBrs. Encik Hirman bin Awang @ Semail, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi di Kampus Kota. Barisan MPP dan JPKK berdiskusi dan diberi kefahaman yang jelas tentang pemerkasaan Mahasiswa 2.0








# KUNJUNGAN HORMAT BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

3 MAC 2024

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerima kunjungan hormat Bank Islam Malaysia Berhad di Kampus Kota. Sempena kunjungan ini, Bank Islam Malaysia Berhad telah memberikan tajaan pendidikan sebanyak RM152,300.00 kepada 38 orang mahasiswa asnaf untuk Program Sulung 2.0 UMK. Tajaan ini disampaikan oleh YBhg. Dato' Mohd Muazzam bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Bank Islam Malaysia Berhad dan UMK diwakili oleh YBhg. Prof. Dato Naib Canselor.





# JASAMU DIKENANG, BAKTIMU DISANJUNG

10 MAC 2024

Sekalung Penghargaan dan Terima Kasih kepada Pn Mushita atas segala sumbangan dan jasa bakti yang diberikan selama berkhidmat di HEPA. Pn Mushita telah berkhidmat hampir 15 tahun di UMK dan mula bersara wajib mulai 10 Mac 2024. Beliau telah berkhidmat untuk 5 TNCHEPA DAN 1 TNCA sepanjang perkhidmatan beliau. Seluruh warga HEPA turut berterima kasih atas sumbangan jasa bakti Pn Mushita.

# HOLISTIK

PENCAPAIAN










# KEBUDAYAAN



# ALUMNI

# PENCAPAIAN










# STAF



#KeluargaHepa

#EntrepreneurshipUniversity

#HEPAUMK

#WeCareWeServeWeLead

#MalaysiaMadani